

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meminda polisi baru di Institut Jantung Negara (IJN) yang memerlukan pesara Kerajaan membawa surat jaminan (guarantee letter) setiap kali menjalani pemeriksaan atau rawatan dan memerlukan pesara membuat bayaran jika mereka hanya membawa kad pesara sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

IJN merupakan syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang berfungsi sebagai sebuah institusi dan

pusat rujukan bagi pesakit-pesakit jantung serta memberi rawatan kepada semua kategori pesakit yang terdiri daripada kakitangan, pesara dan tanggungan kerajaan persekutuan, badan berkanun, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, insuran dan syarikat persendirian.

Bagi tujuan rawatan kakitangan, pesara dan tanggungan Kerajaan Persekutuan, bil rawatan adalah di bawah tanggungan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan IJN menggunakan Panduan Mengenai Kemudahan di IJN Bagi Pelbagai Golongan Pesakit di bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan - Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan bertarikh 16 September 1997 yang dikeluarkan oleh KKM serta tertakluk kepada Perintah Am Bab F (Perubatan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Berdasarkan panduan tersebut, penerima pencen (termasuk pesara dan ahli-ahli keluarga yang layak) layak menerima kemudahan yang disediakan Kerajaan di bawah Perintah Am yang mana setiap pegawai Kerajaan (termasuk anggota keluarga) dan penerima pencen yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan dan rawatan di IJN mestilah diperiksa dan dirujuk oleh pakar di Hospital Kuala Lumpur atau pakar perubatan dari mana-mana hospital Kerajaan yang

berdekatan dengan tempat tinggal (hospital di bawah Kementerian Kesihatan, hospital-hospital universiti dan hospital tentera).

Sehubungan itu, penerima pencen (termasuk pesara dan ahli keluarga yang layak) dikehendaki membawa Kad Pesara pada setiap kali datang untuk mendapatkan rawatan. Sekiranya rawatan diperlukan untuk ahli keluarga yang layak di mana nama mereka tiada dalam kad pesara, salinan surat pengesahan daripada Bahagian Pencen, JPA mengenai kelayakan ahli keluarga berkenaan perlu dibawa bersama untuk mendapatkan rawatan di IJN.

Bagi agensi kerajaan seperti badan berkanun, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, syarat kemudahan rawatan adalah tertakluk kepada agensi masing-masing di mana sebahagiannya masih menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 tahun 2009 (Peraturan Permohonan Perbelanjaan Perubatan). Manakala sebahagian yang lain menetapkan syarat kemudahan rawatan adalah daripada agensi berkenaan di mana pegawai dan pesara serta tanggungan perlu mengemukakan surat pengesahan bagi mengawal perbelanjaan agensi masing-masing.

Oleh yang demikian, IJN akan sentiasa mematuhi syarat-syarat yang

telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk tujuan rawatan dan pengebilan. Pada masa ini, polisi sedia ada Kerajaan tidak memerlukan pesara untuk membawa surat jaminan (*guarantee letter*) untuk mendapatkan rawatan dan memadai dengan membawa kad pesara sahaja.

SOALAN (121)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

SOALAN :-

YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mengutamakan pengambilan anak tempatan dalam projek minyak dan gas di bawah syarikat Petronas di Sarawak pada masa hadapan, yang mana dilaporkan hampir keseluruhan kakitangan yang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan baru-baru ini adalah bukan daripada kalangan rakyat tempatan.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS sentiasa mengutamakan pengambilan anak tempatan di setiap lokasi ia beroperasi termasuklah di Sarawak. Sehingga Julai 2016, jumlah kakitangan anak tempatan Sarawak bagi operasi PETRONAS di Sarawak adalah seramai 3,880 orang bersamaan dengan 75% daripada jumlah keseluruhan kakitangan operasi di negeri tersebut. Pada masa yang sama, terdapat lebih kurang 1,000 anak tempatan Sarawak yang bertugas bagi operasi PETRONAS di luar Sarawak.

Selain itu, PETRONAS juga telah memberi komitmen untuk meningkatkan lagi peratusan anak tempatan untuk operasi PETRONAS di Sarawak menerusi inisiatif "*Localisation Roadmap*". Inisiatif ini mensasarkan peningkatan peratusan anak tempatan untuk operasi PETRONAS di Sarawak kepada 80% menjelang tahun 2018 dan 85% pada tahun 2020.

Di antara usaha-usaha yang sedang giat dijalankan untuk mencapai sasaran tersebut adalah seperti pengambilan kakitangan baru untuk mengisi kekosongan dalam operasi PETRONAS di Sarawak dan melalui pergerakan/perpindahan dalaman kakitangan PETRONAS.

Di samping itu, PETRONAS turut menjalankan pelbagai program-program latihan, tajaan pendidikan dan sesi penerangan untuk para usahawan tempatan. Adalah diharapkan usaha-usaha ini akan dapat mempertingkatkan penyertaan anak tempatan dalam sektor minyak dan gas.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017